

Khazanah terus berdaya tahan hadapi ketidaktentuan global

Kuala Lumpur: Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) akan terus kekal berdaya tahan, mendukung tadbir urus dan pengurusan risiko yang baik untuk memberikan pulangan jangka panjang yang mapan untuk negara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Khazanah sebagai dana kekayaan kedaulatan Malaysia itu akan terus mengorak langkah ke hadapan untuk mencapai objektif pelaburan jangka panjang dan memenuhi mandatnya.

Beliau yang juga Pengerusi Khazanah, berkata kerajaan akan terus memimpin secara bertanggungjawab dalam melaksanakan langkah yang diperlukan, bukan sahaja bagi mengatasi cabaran di hadapan, tetapi juga memastikan asas ekonomi negara tetap stabil untuk menjamin pertumbuhan berterusan.

“Melangkah ke hadapan, saya

sedar bahawa Khazanah menghadapi tahun yang sukar dengan keadaan semasa pada pasaran global dan domestik.

“Kita sedang melalui tempoh cukup mencabar, walaupun dunia kini lebih saling berkait berbanding sebelumnya,” katanya dalam Perutusan Pengerusi Laporan Tahunan Khazanah 2019.

Mengenai prestasi Khazanah pada 2019, Muhyiddin berkata, beliau gembira menyaksikan Khazanah melaporkan prestasi kukuh pada 2019, dengan meraih keuntungan tertinggi dalam sejarahnya.

Katanya, kedudukan portfolionya lebih kukuh ketika menghadapi persekitaran yang memberi pulangan lebih rendah dan pertumbuhan ekonomi global yang umurnya lebih perlahan.

Beliau berkata, Khazanah sudah menunjukkan ketahanan dan ketabahan pada masa sukar itu untuk mencatatkan kemajuan

yang ketara dalam menunaikan mandat membangunkan kekayaan jangka panjang Malaysia.

“Ciri-ciri inilah juga yang memungkinkan kita, sebagai sebuah negara untuk mengatasi cabaran yang dibawa COVID-19,” katanya.

Sementara itu, dalam satu catatan di laman sosial Facebook rasminya, semalam, Muhyiddin menzahirkan ucapan terima kasih kepada petugas barisan hadapan (frontliners) yang sehingga kini masih bertungkus-lumus mengawal penularan wabak COVID-19 dalam negara ini.

Perdana Menteri berkata, buat kali pertama kelmarin, negara mencatatkan kes harian COVID-19 terendah dengan satu kes import dan tiada kes jangkitan tempatan dalam kalangan warganegara dan bukan warganegara.

“Saya juga berbangga dengan seluruh rakyat Malaysia atas kerjasama sangat baik dalam mema-

“ Kita sedang melalui tempoh cukup mencabar, walaupun dunia kini lebih saling berkait berbanding sebelumnya

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

tuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.” katanya.

Muhyiddin berkata, aliran penurunan jumlah kes harian tempatan sehingga merekodkan satu angka sejak kebelakangan ini menunjukkan tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai wabak COVID-19 serta pematuan SOP semakin tinggi.

“Perkembangan positif ini membuatkan kita sangat teruja dan bangga, namun jangan terlalu selesa sehingga kita alpa dan lalai dalam usaha mengawal jangkitan COVID-19 ini,” katanya.

Beliau turut mengingatkan ra-

kyat terus berwaspada, mengambil langkah pencegahan dan mematuhi SOP ditetapkan pada setiap masa walau di mana berada.

“Kita semua adalah *frontliners* dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, memikul tanggungjawab sangat berat untuk melindungi keluarga, komuniti dan negara daripada wabak COVID-19.

“Insya-Allah saya yakin, dengan kerjasama dan komitmen seluruh rakyat Malaysia, kita akhirnya akan berjaya memerangi COVID-19,” katanya.



BH - 3/5/2020 m/s. 2